

ARAHAN

- Sila baca maklumat yang terkandung dalam borang permohonan ini serta Terma dan Syarat di muka surat sebelah sebelum menandatangani borang permohonan. Great Eastern Takaful Berhad berhak menerima atau menolak permohonan ini tanpa menyatakan sebarang sebab.
- Borang permohonan mesti diserahkan kepada Great Eastern Takaful Berhad sekurang-kurangnya 1 bulan sebelum tarikh caruman berikutnya.

NOTIS PENTING

- Perkhidmatan Easi-Pay ini boleh digunakan oleh Pemegang Kad Kredit untuk memberi kebenaran bagi pembayaran caruman secara berkala ke atas kad kredit mereka, berkenaan dengan sijil yang dimiliki oleh pemegang kad atau ibu bapa, pasangan, anak dan/atau adik beradik kepada Pemegang Kad. Sebagai Pemegang Kad, adalah menjadi tanggungjawab anda untuk memastikan bahawa segala butir-butir sijil, Pemilik Sijil dan Orang yang Dilindungi adalah benar.
- Great Eastern Takaful Berhad dibenarkan untuk meminda dan mendebitkan caruman sebenar, jika diperlukan, sekiranya caruman yang dinyatakan di bawah berbeza dengan caruman atau caruman-caruman sebenar yang disebut telah disemak semula disebabkan perubahan dari semasa ke semasa, seperti dimaklumkan oleh Great Eastern Takaful Berhad.

BUTIR-BUTIR PEMEGANG KAD

Nama

No. KP - -

No. Kad - - -

Bank Pengeluar Kad

Tarikh Luput /
MM YY

Visa* MasterCard*
*Sila tandakan

ARAHAN PEMBAYARAN CARUMAN

No. Sijil	Hubungan Pemilik Sijil dengan Pemegang Kad Kredit*	Nama Orang yang Dilindungi	No. KP Orang yang Dilindungi (Berdasarkan rekod Great Eastern Takaful Berhad)	Bayaran Permulaan untuk Perniagaan Baru (RM)
1.				
2.				
3.				

*Kod Hubungan

Kad Sendiri	01	Suami Isteri	02	Ibu Bapa	03	Anak	04	Adik Beradik	05
-------------	----	--------------	----	----------	----	------	----	--------------	----

Dengan ini, saya membenarkan Great Eastern Takaful Berhad untuk: (Sila pilih salah satu pilihan di bawah)

- a) Untuk Pelan Pelaburan dan Tradisional
mengenakan pemotongan semua caruman yang belum dibayar dan caruman selanjutnya untuk sijil-sijil di atas kepada akaun kad kredit seperti yang dinyatakan di atas.
- b) Untuk Pelan Pelaburan sahaja
mengenakan pemotongan caruman terkini dan caruman selanjutnya untuk sijil-sijil di atas kepada akaun kad kredit. Caruman tertunggak untuk sijil-sijil di atas akan terus kekal sehingga dibayar sepenuhnya.

Saya telah membaca dan memahami sepenuhnya maklumat yang terkandung di dalam borang Perkhidmatan Easi-Pay ini. Sekiranya terdapat mana-mana sijil yang tertera di atas yang bukan dibawah nama saya, saya bersetuju dan memahami bahawa Great Eastern Takaful Berhad akan mengambil tindakan berdasarkan arahan saya seperti yang terkandung di dalam borang ini dan tidak akan dipertanggungjawabkan untuk mengesahkan hubungan saya dengan Pemilik Sijil dan / atau Orang yang Dilindungi.

Tandatangan Pemegang Kad Kredit _____
Tarikh: _____
No. Telefon: _____

Untuk Penyerahan Ejen

No. Ejen : _____
Nama Ejen : _____
No. Telefon Ejen : _____

Syarat-syarat - Perkhidmatan Easi-Pay

Dalam pertimbangan Great Eastern Takaful Berhad bersetuju untuk membenarkan saya/kami bersetuju dengan syarat-syarat berikut:

1. Saya/Kami akan menerima tanggungjawab sepenuhnya untuk segala urusniaga melalui penggunaan kad kredit ini dalam pembayaran caruman-caruman.
2. Great Eastern Takaful Berhad tidak bertanggungjawab atau menanggung sebarang tuntutan, kehilangan, kerosakan, kos dan perbelanjaan berpunca dari pemprosesan debit, samada berjaya atau tidak, akibat melebihi had kredit, pincang tugas sistem, kerosakan akibat sistem elektrik terputus dan/atau faktor-faktor lain di luar kawalan Great Eastern Takaful Berhad.
3. Great Eastern Takaful Berhad hanya bertanggungjawab mengaturkan untuk mendebitkan akaun kad kredit saya/kami melalui Pusat Kad yang diarahkan oleh saya/kami. Saya/Kami mengesahkan dan bersetuju bahawa Perkhidmatan Easi-Pay adalah disediakan oleh Great Eastern Takaful Berhad hanya semata-mata untuk kemudahan dan faedah saya/kami. Oleh demikian, untuk sebarang masalah atau pertikaian yang timbul akibat pemprosesan/pendebitan tersebut, adalah menjadi tanggungjawab saya/kami untuk menyelesaikannya dengan syarikat kad kredit saya/kami (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang masalah akibat kerosakan atau pincang tugas atau kerosakan mekanikal sistem komputer atau pelengkapan syarikat kad kredit).
4. Saya/Kami dengan ini bersetuju untuk bersama-sama dan secara berasingan melindungi sepenuhnya atas sebarang tuntutan, kehilangan, kerosakan, kos dan perbelanjaan yang Great Eastern Takaful Berhad mungkin alami atau tanggung berikutan daripada kebenaran saya/kami untuk mendebitkan akaun kad kredit saya/kami seperti yang dinyatakan.
5. Pembayaran caruman akan diambilkira sebagai berbayar hanya setelah pemprosesan debit yang berjaya oleh syarikat kad kredit, dan pembayaran caruman diterima sepenuhnya, menurut kes tersebut oleh Great Eastern Takaful Berhad .
6. Saya/Kami akan memastikan Great Eastern Takaful Berhad diberi notis pemberitahuan dalam bentuk bertulis atas sebarang perubahan, kehilangan atau penggantian kad kredit saya/kami, atau pembatalan arahan sekurang-kurangnya sebulan sebelum caruman seterusnya jatuh. Perubahan sedemikian atau pembatalan akan menjadi efektif hanya selepas Great Eastern Takaful Berhad telah memberi pengesahan penerimaan notis pemberitahuan tersebut.
7. Great Eastern Takaful Berhad boleh menggunakan budi bicara mutlak menamatkan Perkhidmatan Easi-Pay ini pada bila-bila masa tanpa memberikan sebarang alasan dengan memberikan Pemilik Sijil notis pemberitahuan secara bertulis.
8. Tarikh pembayaran - Kemungkinan terdapat DUA percubaan untuk mengenakan pemotongan caruman kepada kad kredit saya/kami. Jika percubaan pertama tidak berjaya, percubaan kedua mungkin akan dibuat bila-bila masa selepas percubaan pertama.
9. Notis kegagalan pembayaran - Great Eastern Takaful Berhad akan menulis untuk memaklumkan Pemilik Sijil sekiranya percubaan untuk mengenakan pemotongan caruman telah gagal. Great Eastern Takaful Berhad berhak untuk mengenakan bayaran seperti yang ditentukan oleh mereka dari semasa ke semasa dan meminta daripada saya/kami bayaran tersebut bersama dengan kos dan perbelanjaan seperti yang telah ditanggung oleh mereka yang disebabkan oleh kegagalan percubaan sedemikian. BORANG PERKHIDMATAN EASI-PAY yang baru adalah diperlukan sekiranya saya/kami ingin terus menggunakan Perkhidmatan Easi-Pay.
10. Perubahan - Jumlah caruman untuk dikenakan pemotongan akan diubah secara automatik apabila syarat kontrak sijil berubah atau di mana perubahan sijil dimohon oleh Pemilik Sijil dan pemotongan caruman adalah terjejas.
11. Pembatalan - Untuk memberhentikan Perkhidmatan Easi-Pay dan menamatkan kebenaran ini, Pemilik Sijil atau Pemegang Kad Kredit mesti memaklumkan Great Eastern Takaful Berhad secara bertulis sekurang-kurangnya 1 bulan tarikh jatuhnya caruman seterusnya.
12. Resit - Resit tidak akan dikeluarkan untuk pembayaran caruman yang dibuat melalui Perkhidmatan Easi-Pay melainkan untuk pembayaran permulaan melalui kad kredit di mana Sijil Perlindungan Sementara Bersyarat / Sijil Perlindungan Sementara / Resit Am akan dicetak. Saya/Kami akan merujuk penyata kad kredit untuk pemastian pembayaran.
13. Sijil Perlindungan Sementara Bersyarat / Sijil Perlindungan Sementara / Resit Am akan dikeluarkan setelah penerimaan penuh pembayaran melalui akaun kad kredit di atas.
14. Dalam peristiwa di mana wang dikenakan atas atau didebit dari akaun kad kredit di atas dikembalikan oleh Great Eastern Takaful Berhad atas sebarang sebab, Great Eastern Takaful Berhad dibenarkan untuk mengembalikan wang tersebut sama ada kepada Pemilik Sijil atau Pemilik Kad Kredit dan seterusnya bebas sepenuhnya dari sebarang kewajipan berkenaan perkara tersebut. Sekiranya terdapat sebarang pertikaian atau isu yang timbul dari pembayaran atau pengembalian wang yang dibayar berikutan kebenaran ini, kedua-dua Pemilik Sijil dan Pemegang Kad Kredit akan merujuk hanya kepada satu sama lain untuk cara mengatasi dan penyelesaian.
15. Maklumat yang anda nyatakan di dalam borang ini mungkin direkodkan, digunakan, disimpan ataupun diproses oleh Great Eastern Takaful Berhad ("Pengendali Takaful"), ejen yang dibenarkan Pengendali Takaful, pihak Pengendali Takaful yang berkaitan dan pihak ketiga yang menyediakan perkhidmatan untuk memproses dan melaksanakan kuasa, dan akan berhubung dengan anda dan Pemegang Sijil dari semasa ke semasa untuk perkara berkaitan. Anda boleh mengakses maklumat anda yang dipegang oleh Pengendali Takaful, memohon pengemaskinian, dan menarik balik persetujuan anda seperti yang di atas dengan menghubungi talian Careline di 1 300 13 8338 atau email kepada Pengendali Takaful i-greatcare@greastertakaful.com. Maklumat yang anda berikan kepada Pengendali Takaful adalah perlu. Jika anda tidak memberikan maklumat yang dikehendaki tersebut, Pengendali Takaful mungkin tidak dapat memberikan perkhidmatan kepada anda. Untuk maklumat lanjut berkenaan bagaimana Pengendali Takaful memproses data peribadi anda dan hak anda ke atas data peribadi anda, sila rujuk Notis Perlindungan Data Peribadi di www.greastertakaful.com.
16. Anda digalakkan untuk membuat pembayaran ke bank terutamanya untuk pemegang kad kredit konvensional sebelum tarikh tamat bayaran bagi mengelakkan faedah terkumpul ke atas jumlah baki yang belum dijelaskan.